



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

## **SIARAN MEDIA**

### **PELAWAAN PENAJAAN BIASISWA YANG DI-PERTUAN AGONG TAHUN 2021**

---

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mempelawa semua warganegara Malaysia yang layak untuk memohon Biasiswa Yang di-Pertuan Agong (BYDPA) Tahun 2021. Permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang permohonan secara dalam talian (*online*) melalui portal <http://esilav2.ipa.gov.my> mulai jam 5.00 petang, 15 Mac 2021 (**Isnin**). Borang permohonan yang lengkap berserta dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan hendaklah dikemukakan dan diterima oleh pihak JPA **sebelum atau pada 9 April 2021 (Jumaat)** sama ada secara serahan tangan atau pos.

BYDPA menawarkan sebanyak 12 biasiswa iaitu enam (6) untuk pengajian di peringkat Sarjana (Masters) dan enam (6) untuk pengajian di peringkat Doktor Falsafah (*Ph.D*) di institusi pengajian tinggi tempatan atau universiti terkemuka dunia yang disenaraikan oleh JPA mengikut bidang pengajian. Bidang pengajian di bawah penajaan BYDPA ialah **Sains dan Teknologi, Ekonomi, Undang-Undang dan Kewangan Islam**.

Antara syarat permohonan BYDPA adalah seperti berikut:

- (i) **Warganegara Malaysia;**
- (ii) Berumur **tidak melebihi 35 tahun** pada 1 Januari 2021;
- (iii) Memiliki Ijazah Sarjana Muda / Sarjana yang diiktiraf oleh Kerajaan dengan pencapaian akademik yang amat cemerlang iaitu **CGPA minimum 3.75** atau **kelas pertama** atau yang setaraf dengannya;

- (iv) Telah **mendapat tawaran pengajian secara sepenuh masa atau telah memulakan pengajian secara sepenuh masa** pada tahun penawaran di institusi pengajian tinggi yang disenaraikan oleh JPA mengikut bidang pengajian; dan
- (v) Pengajian bagi peringkat **Sarjana** adalah secara **mod penyelidikan sahaja** yang mewajibkan penyediaan kertas penyelidikan atau disertasi atau tesis.

Calon yang memenuhi syarat permohonan serta melepasi saringan lanjut pihak JPA akan di senarai pendek untuk menghadiri temu duga. Keutamaan dalam pemilihan calon penerima BYDPA adalah di kalangan mereka yang:

- (i) **aktif** dalam kegiatan ko-kurikulum / aktiviti kemasyarakatan;
- (ii) **menghasilkan kerja-kerja kreatif dan inovatif** seperti penulisan, reka cipta seni atau teknologi dan sebagainya; dan
- (iii) **mahir** dalam lebih daripada satu bahasa antarabangsa.

Sebarang maklumat lanjut mengenai penawaran ini, sila layari portal <http://esilav2.jpa.gov.my> atau hubungi talian **03 – 8885 3879 / 3569** pada setiap hari bekerja mulai jam **9.00 pagi hingga 5.00 petang** atau emel kepada [penawaranldp@jpa.gov.my](mailto:penawaranldp@jpa.gov.my).

#####

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Tarikh : 15 Mac 2021

Tel : 03-7774 3146 / 3088

Emel : [komunikasi@jpa.gov.my](mailto:komunikasi@jpa.gov.my)

No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 (99)